

28/10/2003

Ong perjas sebab tidak hadir perhimpunan PPP

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting tidak berniat menyinggung perasaan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) mahupun presidennya, Datuk M Kayveas kerana tidak menghadiri Perhimpunan Agung PPP

ke-50, kelmarin.

Ong menjelaskan perubahan jadual asal Perhimpunan Agung PPP menyebabkan

beliau tidak dapat menghadiri majlis itu kerana ada urusan penting yang sudah dirancang sejak dulu lagi.

"Jika perasmian perhimpunan agung diadakan pada 28 Oktober ini seperti yang dijadualkan, saya akan menghadirinya.

"Tetapi, semalam saya ada urusan penting yang sukar dibatalkan atau ditunda," kata Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, Ong berada di Genting Highlands untuk merasmikan majlis penutupan Pertandingan Tarian Singa Malaysia ke-11 dan menghadiri beberapa mesyuarat lagi.

Beliau berkata, pada kebiasaannya, jika presiden parti tidak dapat menghadiri perasmian perhimpunan agung parti komponen Barisan Nasional (BN), MCA akan menghantar wakil yang sekurang-kurangnya berpangkat menteri.

Bagaimanapun, katanya, Timbalan Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy tidak dapat mewakilinya kerana berada di Pahang untuk menerima anugerah daripada Sultan Pahang.

Dua lagi Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn (Menteri Sumber Manusia) berada di luar negara manakala Datuk Chua Jui Meng (Menteri Kesihatan) mempunyai urusan lain.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, Datuk Tan Chai Ho yang

juga Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, bersama Datuk Khoo Lay Heng menghadiri Perhimpunan Agung PPP.

Ong berkata, sebagai presiden parti komponen BN, mereka sepatutnya mengukuhkan hubungan satu sama lain dan melupakan perkara silam.

"Saya berharap dapat menjalin hubungan lebih baik dengan Kayveas dan PPP," katanya.

Ahad lalu, Kayveas yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

berkata, hubungannya dengan Ong amat renggang.

"Apabila saya berada di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hubungan saya dan Ong tak baik. Apabila berhadapan antara satu sama lain,

kami jarang bercakap," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau dengan bekas pemimpin MCA termasuk pemimpin Pemuda MCA bekerjasama dengan baik dan beliau boleh memperbaiki hubungannya dengan Ong.

Perubahan tarikh mesyuarat agung PPP itu terpaksa dilakukan mengikut jadual Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad yang merasmikan perhimpunan itu.

Sementara itu, Tan yang juga Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan berkata, adalah tidak adil untuk Kayveas membuat kenyataan sedemikian kerana Majlis Presiden MCA yang bermesyuarat Selasa lalu meminta beliau mewakili Ong menghadiri perhimpunan itu.

"Ini adalah kali kedua saya mewakili MCA menghadiri perasmian Perhimpunan Agung PPP. Tahun lalu, saya mewakili presiden parti ketika itu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menghadiri perhimpunan PPP.

"Sebelum ini, saya pernah mewakili MCA menghadiri perasmian perhimpunan agung parti komponen BN yang lain termasuk Parti Liberal Demokratik (LDP) di Sabah," katanya.

Beliau berkata, selama ini MCA dan PPP bekerjasama dengan baik berdasarkan semangat BN.